

ANM(T)81/10/6/10/Jld.5 (23)

Semua Ketua Setiausaha Kementerian.

Semua Ketua Jabatan Persekutuan.

Semua Ketua Akauntan Jabatan Mengakaun Sendiri.

Semua Pengarah Negeri dan Cawangan Jabatan Akauntan Negara Malaysia.



**KERAJAAN MALAYSIA**

**SURAT PEKELILING AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA  
BILANGAN 8 TAHUN 2008**

**TARIKH AKHIR PENYERAHAN DOKUMEN KEWANGAN  
BAGI TAHUN KEWANGAN 2008**

**1. TUJUAN**

Surat Pekeliling ini adalah bertujuan untuk memaklumkan:-

- 1.1 Tarikh akhir penyerahan dokumen kewangan tahun 2008 oleh kementerian / Jabatan kepada Pejabat Perakaunan bagi melicinkan urusan penutupan dan penyediaan Akaun Awam Persekutuan bagi tahun kewangan 2008; dan
- 1.2 Implikasi yang akan dihadapi oleh Kementerian / Jabatan jika tidak mematuhi tarikh-tarikh yang telah ditetapkan.

**2. TARIKH AKHIR PENYERAHAN DOKUMEN KEWANGAN**

Tarikh penyerahan dokumen kewangan kepada Pejabat Perakaunan bagi tahun kewangan 2008 yang telah ditetapkan adalah seperti berikut:

<i>BULAN</i>	<i>JENIS DOKUMEN KEWANGAN</i>	<i>TARIKH AKHIR SERAHAN DOKUMEN</i>
Disember 2008	Baucar Bayaran Manual	22 Disember 2008
	Dokumen Kewangan eSPKB	24 Disember 2008
Januari 2009 (AKB)	Baucar Bayaran Manual	9 Januari 2009
	Waran Peruntukan Manual	14 Januari 2009
	Baucar Bayaran (Kuiiri)	12 Januari 2009
	Penyata Pemungut eSPKB	9 Januari 2009
	Waran Peruntukan eSPKB	14 Januari 2009
	Baucar Bayaran eSPKB	9 Januari 2009
	Baucar Jurnal eSPKB	9 Januari 2009

### **3. IMPLIKASI JIKA TIDAK MEMATUHI TARIKH-TARIKH YANG TELAH DITETAPKAN**

- 3.1 Pegawai Pengawal adalah diingatkan bahawa perkhidmatan / bekalan yang diterima dalam tahun 2008 tetapi tidak sempat mengemukakan baucar bayaran sebelum tarikh yang telah ditetapkan, bayaran perlu dicaj kepada Vot Tahun 2009. Bagi bayaran sedemikian, kelulusan khas di bawah Arahan Perbendaharaan 58(a) hendaklah diperolehi terlebih dahulu sebelum bayaran boleh diluluskan.
- 3.2 Semua dokumen kewangan eSPKB yang diluluskan oleh Kementerian / Jabatan selepas tarikh yang telah ditetapkan akan ditolak/dikuiri oleh sistem. Baucar Bayaran yang telah ditolak/dikuiri perlu diproses semula oleh Kementerian/Jabatan bagi membolehkan bayaran dibuat dalam tempoh AKB atau dalam tahun kewangan 2009 dibawah Arahan Perbendaharaan 58(a).

#### 4. PENUTUP

- 4.1 Semua Kementerian/Jabatan diminta untuk merancang lebih awal bagi mengelakkan penyerahan dokumen kewangan pada saat terakhir dan memastikan semua urusan prosesan waran, bayaran, terimaan dan perakaunan bagi tahun kewangan 2008 tidak terganggu.
- 4.2 Pejabat Perakaunan adalah diminta untuk menolak dokumen kewangan daripada Kementerian/Jabatan selepas tarikh yang ditetapkan. Ini adalah bertujuan untuk memastikan semua baucar dapat diproses/dibayar dan dicaj ke Vot Tahun 2008.

Sekian, terima kasih

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

*Warga Berintegriti Perkhidmatan Berkualiti*



(DATO' MOHD SALLEH BIN MAHMUD)

Akauntan Negara Malaysia

20 November 2008

s.k.: Ketua Audit Negara